

ICAP gubal dasar dividen unik tangani diskaun harga saham, NAB

Ogos 18, 2023 @ 11:54am



Gambar fail. Tan Teng Boo.

KUALA LUMPUR: Selepas penyelidikan menyeluruh, icapital.biz Bhd (ICAP) akan memperkenalkan, antara strategi lain, dasar dividen yang inovatif untuk memastikan diskaun antara harga saham dana dan nilai aset bersih (NAB) akan dipulihkan secara automatik pada masa hadapan.

Syarikat dalam satu kenyataan berkata, dasar dividen itu diperkenalkan walaupun saham ICAP mencecah harga tertinggi iaitu RM2.86 dan NAB turut melonjak paras tertinggi sepanjang masa, iaitu RM3.64, pada 16 Ogos lalu, yang mana menyebabkan diskaun NAB juga mengecil kepada 21.43 peratus.

Hasil positif itu, katanya dicapai dengan usaha sedia ada Lembaga Pengarah ICAP dan individu yang dilantiknya, Tan Teng Boo, yang telah dilaksanakan sejak AGM 2022, apabila pelbagai langkah diumumkan khusus untuk tujuan ini.

"ICAP akan memberi lebih maklumat mengenai strategi dividen ini, dalam masa terdekat.

"Untuk sedikit latar belakang, diskaun antara harga saham ICAP dan NAB telah menjadi isu yang membimbangkan sejak Oktober 2008, tiga tahun selepas ICAP disenaraikan (IPO) di Bursa Malaysia pada 19 Oktober 2005.

"Walau bagaimanapun, harga saham ICAP dan NAB ICAP sudah mengatasi prestasi indeks MSCI Malaysia dari sejak IPO berkenaan," kata kenyataan itu.

Sejak penubuhannya pada Oktober 2005 hingga 3 Ogos 2023, harga saham dan NAB ICAP telah meningkat pada kadar tahunan 5.67 peratus dan 7.91 peratus, mengatasi prestasi indeks MSCI Malaysia, yang hanya meningkat 1.77 peratus.

"Akan tetapi, melihat ICAP melalui lensa ini menyembunyikan prestasi sebenar ICAP.

"Sepanjang dua tahun lalu (4 Ogos 2021 hingga 3 Ogos 2023), MSCI Malaysia telah memberikan pulangan negatif sebanyak (-5.69 peratus). Dalam tempoh yang sama, NAB dan harga saham ICAP telah meningkat 19.29 peratus dan 32.90 peratus.

"Dari 4 Ogos 2020 hingga 3 Ogos 2023 pula, MSCI Malaysia -14.92 peratus, manakala NAB dan harga saham ICAP meningkat 31.89 peratus dan 28.93 peratus," katanya.

Tambahan pula, sebahagian besar NAB ICAP, RM145.72 juta, terdiri daripada wang tunai, setakat 31 Mei 2023.

"Ini menunjukkan bahawa ICAP sekarang berada di tempat baik untuk meningkatkan NABnya, kerana ia mempunyai dana yang besar untuk membeli lebih banyak saham yang kini diniagakan pada harga diskau.

"Dasar dividen yang inovatif ini akan menangani keperluan pelbagai pemilik saham – mereka yang mencari peningkatan modal jangka panjang, mereka yang memerlukan pengagihan tetap dan mereka yang mungkin perlu mendapatkan tunai daripada pegangan mereka.

Dalam satu siri jelajah di seluruh negara awal tahun ini, Tan telah mengatakan bahawa masa depan NAB ICAP akan mendapat manfaat yang besar daripada pelaburan RM170 juta yang ICAP telah buat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pegangan tunai ICAP sekitar RM300 juta beberapa tahun lalu, telah menurun kepada RM145.22 juta, kerana ia membuat pelaburan besar dalam saham yang berpotensi pada harga menarik.

"Strategi dividen inovatif ini, apabila dilaksanakan sepenuhnya, akan meningkatkan pergerakan harga saham dan NAB ICAP. Seperti berpandukan dasar dividen dan Lembaga Pengarah, ICAP kini berada di landasan yang betul, tetapi masih banyak kerja yang perlu diusahakan."

"Apabila pasaran mula mengiktiraf sepenuhnya prestasi baik ICAP yang konsisten, adalah diharapkan saham ICAP akan mula diniagakan pada harga yang "premium," seperti sebelum pemegang saham tertentu masuk," kata Tan.